

03/03/2003

Langkawi selepas sumpah Mahsuri dan era Dr Mahathir

Norbakti Alias

SEBUT saja Pulau Langkawi, pasti ramai yang terbayangkan barangan murah dengan statusnya sebagai pulau bebas cukai sejak Januari 1987.

Malah, itulah tarikan utama, khususnya buat makcik-makcik dari seluruh negara untuk ke pulau legenda itu bagi membeli set pinggan mangkuk selain

minyak gamat yang juga antara produk yang terus mempopularkan pulau dengan

jumlah penduduk 65,000 orang itu.

Bagi ibu-ibu, pasti ramai yang rambang mata dengan set pinggan mangkuk pelbagai jenama kerana harga yang lebih murah berbanding di Tanah Besar.

Jadi, tidak hairanlah mengapa ramai ibu-ibu berpusu-pusu mahu ke Langkawi kerana ia adalah syurga membeli-belah, malah ini pasti dikuatkan

dengan langkah kerajaan membuat pelancaran Karnival Jualan Mega 2003 peringkat Kebangsaan kelmarin.

Kini, Langkawi bukan sekadar dikenali dengan legenda Mahsuri, pusat membeli-belah, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) atau

minyak gamatnya, malah sukan antarabangsa mula tertumpu ke pulau ini.

Bermula dengan perlumbaan basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) yang sudah

masuk edisi kelapan tahun ini, Kejohanan Ironman Langkawi Malaysia Triatlon yang menguji tahap kekuatan dan daya tahan atlit dalam tiga disiplin, iaitu renang, berbasikal dan larian, juga begitu sinonim dengan

Langkawi dan kali ini berjaya menarik penyertaan 408 peserta dari 29 negara.

Baru-baru ini pula diadakan Kejohanan Perahu Layar Regatta Perdana Terbuka Kedah dan mulai 11 hingga 16 Mac ini, Regatta Antarabangsa Diraja

Langkawi pula mengisi kalendar acara di pulau itu.

Sudah tiba masanya Langkawi, yang memiliki pelbagai keindahan dan kelebihan, ditonjolkan kepada dunia sebagai venue aktiviti pelayaran seperti Kepulauan Caribbean dan Mediterranean yang selama ini dikenali sebagai syurga untuk kegiatan itu.

Walaupun pertandingan regatta itu tidak dapat menandingi perlumbaan Piala Amerika yang dianggap acara ulung dalam perahu layar, ia tetap tarikan buat Langkawi berikutan usaha kerajaan Kedah menjadikan pulau itu

sebagai lokasi unggul bagi sukan kapal layar. Hasrat itu dibuktikan menerusi pembinaan Harbour Park Langkawi yang hampir siap di Pantai Kok.

Projek bernilai RM40 juta itu dibangunkan berdasarkan konsep Mediterranean yang antara lain mengandungi marina yang boleh memuatkan 100

kapal pada satu-satu masa. Pelbagai kemudahan lain seperti hotel, butik dan apartmen juga akan dibangunkan di kawasan seluas 12 hektar itu.

Semua ini kini menjadi tarikan dan kebanggaan penduduk Langkawi yang perlu berterima kasih atas perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad, selama ini yang mereka anggap sebagai arkitek utama pembangunan Langkawi.

Kini, Oktober semakin hampir dan penduduk Langkawi pasti terfikir apakah pulau ini akan mendapat perhatian peribadi lagi daripada pemimpin negara apabila Dr Mahathir berundur selepas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), seperti diumumkan pada Perhimpunan Agung Umno tahun lalu.

Apa yang perlu dielakkan adalah sikap tamak, khususnya peniaga yang mahukan keuntungan segera seperti yang berlaku sewaktu Lima dulu apabila ada yang menjual roti canai sehingga RM5 sekeping.

Cadangan Perdana Menteri untuk menjadikan Langkawi sebagai pusat pentadbiran kerajaan negeri wajar dilihat daripada dua sudut, iaitu mahu memastikan pulau itu terus terbela manakala satu lagi adalah cabaran buat

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, bagi memajukan daerah lain

kerana Alor Star sendiri agak ketinggalan berbanding Langkawi mahupun Sungai Petani.

Pepatah Cina menyebut, adalah lebih baik mengajar seseorang itu memancing daripada memberikannya ikan. Joran sudah diberikan Dr Mahathir, kini terserah kepada penduduk Langkawi merasakan tangkapan mereka.